



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN NUTRISI DI TASKA TERPILIH NEGERI TERENGGANU

SITI NURAZIMAH BINTI AB RASID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN
NUTRISI DI TASKA TERPILIH NEGERI TERENGGANU**

SITI NURAZIMAH BINTI AB RASID

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁵.....(hari bulan).....^{MAC}..... (bulan) 2021....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI NYRAZIMAH BINTI AB RAHID, M20162002273, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PELAKSANAAN PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN NUTRISI DI TASKA TERPILIH NEGERI TERENGGANU.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Ah

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PELAKSANAAN PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN
DAN NUTRISI DI TASKA TERPILIH NEGERI TERENGGANU.

No. Matrik / Matric's No.: M20162002273

Saya / I: SITI NURAZIMAH BINTI AB RASID

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Al

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izinNya, saya dapat menyiapkan Disertasi (Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus) ini dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada penyelia iaitu Dr. Mazlina binti Che Mustafa kerana sudi memberi bimbingan, pandangan dan bantuan yang berharga dalam penghasilan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak yang telah banyak memberi ilmu kepada saya sepanjang bergelar pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa, En. Ab Rasid bin Mohamed dan arwah Puan Siti Minah binti Derahman kerana telah memberi sokongan moral yang terus menerus agar saya tidak berputus asa untuk menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada adik beradik dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam mengutarakan idea sepanjang penyediaan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan saya selama proses menyelesaikan kajian yang dijalankan ini. Terima kasih atas doa dan sokongan kalian.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan pengurusan dari aspek keselamatan, kesihatan dan nutrisi di TASKA terpilih negeri Terengganu. Di samping itu kajian ini meneroka isu-isu keselamatan, kesihatan dan nutrisi pada kanak-kanak. Pendekatan kaedah campuran digunakan dalam kajian ini iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah tinjauan dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap pelaksanaan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi di TASKA terpilih. Responden yang terlibat adalah seramai 110 orang ibu bapa kanak-kanak TASKA. Temu bual separa berstruktur digunakan untuk meneroka isu-isu berkaitan keselamatan, kesihatan dan nutrisi dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak TASKA untuk menangani masalah yang dihadapi. Persampelan bertujuan melibatkan lima orang guru awal kanak-kanak yang ditemu bual menggunakan protokol temu bual. Analisis deskriptif soal selidik menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi berada pada tahap sederhana antara skor min 2.34 hingga 3.66 (s.p. = 0.60). Kajian ini menggunakan analisis tematik bagi data temu bual. Hasil dapatan temu bual mengetengahkan tiga tema utama, iaitu kesejahteraan kanak-kanak, pengurusan penyakit dan keperluan nutrisi untuk kanak-kanak TASKA. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perlu meningkatkan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi untuk memastikan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi di TASKA adalah penting untuk kesejahteraan kanak-kanak.

THE IMPLEMENTATION OF SAFETY, HEALTH AND NUTRITION MANAGEMENT IN SELECTED CHILDCARES AT TERENGGANU

ABSTRACT

This study aimed to identify management level on the aspects of the safety, health and nutrition in the selected childcares in Terengganu. In addition, the study explored the issues of safety, health and nutrition at the childcares. A mixed method approach was used in this study, namely quantitative and qualitative approaches. Survey was employed to identify the level of implementation of safety, health and nutrition management at the childcares. The respondents involved 110 parents of children who attended the childcares. The semi-structured interview was used to explore the issues with regard to the safety, health and nutrition and the steps taken by the childcares to address the issues. The purposive sampling involved five early childhood teachers who were interviewed using an interview protocol. Descriptive analysis of the survey described that the implementation management of safety, health and nutrition was at a moderate level which was between the mean score of 2.34 to 3.66 (s.p. = 0.6). The study adopted thematic analysis for the interview data. The findings of the interview highlighted three main themes, namely the well-being of the children, diseases management and nutritional needs in childcare. In conclusion, the findings highlighted that the teachers needed to improve the management of safety, health and nutrition to ensure quality childcare. The implication of the study suggested that the implementation of safety, health and nutrition management in childcare is important for children's well-being.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Kerangka Konseptual	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.8.1 Agensi Kerajaan	13



1.8.2	Pengusaha TASKA	14
1.8.3	Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak	14
1.8.4	Pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak	15
1.8.5	Kanak-kanak TASKA	15
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi Istilah	17
1.10.1	Pengurusan	17
1.10.2	Keselamatan	18
1.10.3	Kesihatan	18
1.10.4	Nutrisi	19
1.10.5	TASKA	19
1.10.6	YPKT	20
1.11	Kesimpulan	20

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Teori- Teori Berkaitan	23
2.2.1	Teori Pengurusan Henri Fayol	23
2.2.1.1	Fungsi pengurusan	24
2.2.2	Teori Hierarki Maslow	26
2.2.3	Teori Ekologikal Bronfenbrenner	29
2.2.3.1	Mikrosistem	30
2.2.3.2	Mesosistem	31
2.3	Matlamat Utama Pendidikan Awal Yang Berkualiti Tinggi Untuk Kanak-Kanak.	32

2.4	Kajian-kajian Lepas	36
2.4.1	Kajian Berkaitan Dengan Keselamatan	36
2.4.2	Kajian Berkaitan Dengan Kesihatan	38
2.4.3	Kajian Berkaitan Dengan Nutrisi	39
2.5	Kesimpulan	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.2.1	Reka Bentuk Kuantitatif	46
3.2.2	Reka Bentuk Kualitatif	46
3.3	Lokasi Kajian	47
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	48
3.4.1	Kaedah Pengumpulan Data Kuantitatif	48
3.4.2	Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif	49
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	51
3.5.1	Cara Pemilihan Sampel Kajian Kuantitatif	53
3.5.1.1	Cara Pemilihan Sampel Soal Selidik	54
3.5.2	Cara Pemilihan Sampel Kajian Kualitatif	55
3.5.2.1	Cara Pemilihan Sampel Temu Bual	55
3.6	Instrumen Kajian	56
3.6.1	Soal Selidik Untuk Ibu Bapa atau Penjaga	57
3.6.1.1	Perincian Maklumat Dalam Setiap Seksyen (Soal Selidik)	58

3.6.2 Temu Bual Guru	60
3.6.2.1 Perincian Maklumat Dalam Setiap Bahagian (temu bual)	61
3.7 Kajian Rintis	62
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	63
3.8.1 Kesahan	63
3.8.1.1 Kesahan Instrumen Soal Selidik (Kuantitatif)	65
3.8.1.2 Kesahan Instrumen Temu Bual (Kualitatif)	66
3.8.2 Kebolehpercayaan	66
3.8.2.1 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik (Kuantitatif)	66
3.8.2.2 Kebolehpercayaan Instrumen Temu Bual (Kualitatif)	67
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	67
3.9.1 Prosedur Pwngumpulan Data Soal Selidik Dan Temu Bual	68
3.10 Analisis Data	69
3.10.1 Analisis Data Kuantitatif	70
3.10.1.1 Soal Selidik	70
3.10.2 Analisis Data Kualitatif	71
3.10.2.1 Temu Bual	71
3.11 Kesimpulan	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	73
4.2 Analisis Data Soal Selidik	74
4.2.1 Deskriptif Latar Belakang Responden	75
4.2.1.1 Demografi Ibu Bapa	75

4.2.2 Analisis Dapatan Kajian Soal Selidik	85
4.2.2.1 Pelaksanaan Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Nutrisi	88
4.2.2.2 Amalan Pengurusan Keselamatan	89
4.2.2.3 Amalan pengurusan kesihatan	93
4.2.2.4 Amalan pengurusan nutrisi	95
4.3 Analisis Data Temu bual	96
4.3.1 Analisis Dapatan Kajian Temu Bual	97
4.3.1.1 Persoalan Kajian Kedua: Apakah isu-isu keselamatan, kesihatan dan nutrisi yang dihadapi di TASKA?	98
4.3.1.2 Persoalan Kajian Ketiga: Bagaimanakah pihak TASKA mengambil langkah dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi?	102
4.4 Kesimpulan	106

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	107
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	108
5.2.1 Persoalan kajian pertama: Adakah tahap amalan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi kanak-kanak dipatuhi di TASKA?	108
5.2.2 Persoalan kajian kedua: Apakah isu-isu keselamatan, kesihatan dan nutrisi yang dihadapi di TASKA?	111
5.2.3 Persoalan kajian ketiga: Bagaimanakah pihak TASKA mengambil langkah dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi?	113

5.3 Implikasi Kajian	115
----------------------	-----

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	117
------------------------------	-----

5.5 Kesimpulan	118
----------------	-----

RUJUKAN	120
----------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	47
3.2	Sampel Responden Soal Selidik	54
3.3	Sampel Responden Temu Bual	56
3.4	Senarai Seksyen Soalan Soal Selidik	57
3.5	Skala Likert Seksyen B	58
3.6	Perincian Soal Selidik	59
3.7	Senarai Seksyen Soalan Temu Bual	60
3.8	Perincian Protokol Temu Bual	61
3.9	Jumlah Responden Kajian Rintis	63
3.10	Kesahan Item	65
3.11	Fasa-Fasa Prosedur Pengumpulan Data	68
3.12	Analisis Data Soal Selidik	70
3.13	Analisis Data Temu Bual	71
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Demografi Responden (Ibu Bapa Atau Penjaga)	76
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	78
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa	79
4.4	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Agama	80
4.5	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Umur	81
4.6	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Taraf Pendidikan	82



4.7	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Kategori Umur Anak	83
4.8	Interpretasi Skor Min	85
4.9	Nilai Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Bagi Tahap Amalan Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Nutrisi Menurut Ibu Bapa Di TASKA YPKT.	86



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	12
2.1 Lima Fungsi Utama Pengurusan	24
2.2 Hierarki Keperluan Maslow	27
2.3 Sistem Ekologi Manusia	29
2.4 Enam Matlamat Utama Pendidikan Awal Yang Berkualiti Tinggi	32
3.1 Kaedah Pengumpulan Data	49
3.2 Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif	51
3.3 Langkah-Langkah Pemilihan Sampel	52
4.1 Tahap amalan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi (memaklumkan isu-isu berkaitan)	88
4.2 Tahap amalan pengurusan keselamatan (melaporkan sebarang kecederaan atau kemalangan)	89
4.3 Tahap amalan pengurusan keselamatan (penyediaan peralatan permainan yang selamat)	90
4.4 Tahap amalan pengurusan keselamatan (persekitaran luar)	91
4.5 Tahap amalan pengurusan keselamatan (mencatat kecederaan atau kemalangan)	92
4.6 Tahap amalan pengurusan kesihatan (maklumat kesihatan disampaikan)	93
4.7 Tahap amalan pengurusan kesihatan (menjalankan program kesihatan)	94
4.8 Tahap amalan pengurusan nutrisi (menyediakan makanan yang berkhasiat)	95



SENARAI SINGKATAN

LC	Lampiran C
PERMATA	Program Asuhan dan Didikan Kanak-kanak
R	Responden
S	Setuju
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SS	Sangat Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
TS	Tidak Setuju
WHO	<i>World Health Organization</i>
YPKT	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
2K1N	Keselamatan, Kesihatan dan Nutrisi

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Pengesahan Penyelidikan

B Soal Selidik

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dijalankan serta menghuraikan beberapa subtopik yang terlibat seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga definisi istilah.

Pada era globalisasi ini, terdapat peningkatan pengiktirafan yang menyatakan bahawa pentingnya pendidikan awal kanak-kanak kepada masyarakat terutama sekali daripada pihak ibu bapa, guru-guru, agensi-agensi berkaitan dan juga kerajaan. Orang dewasa mula sedar akan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak kerana melihat dunia pada masa kini yang makin mencabar. Dengan demikian, apa yang perlu



difikirkan adalah dengan memulakan memberi pendedahan bermula peringkat awal untuk membuahkan hasil akademik dan sahsiah yang bermutu pada masa hadapan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi kanak-kanak yang berumur dari lahir hingga 5 atau 6 tahun ianya merupakan peringkat umur yang paling sensitif dalam kehidupan kerana pada tempoh usia inilah yang bakal terhasil dan menentukan tahap perkembangan seseorang kanak-kanak. Segala keperluan asas kanak-kanak pada peringkat umur sedemikian seperti keselamatan, kesihatan dan nutrisi perlu dititikberatkan agar mereka tidak terasa mereka dalam golongan yang terabai. Oleh itu, ibu bapa atau penjaga perlu memastikan kanak-kanak di bawah jagaan mereka berada dalam keadaan terkawal dari semua aspek yang diperuntukkan bagi seseorang kanak-kanak.

Program pendidikan awal kanak-kanak mencerminkan kepelbagaian aspek dalam masyarakat. Lantaran, persekitaran pendidikan awal kanak-kanak yang baik adalah menggunakan pendekatan yang holistik iaitu dengan menekankan tiga aspek utama; aspek keselamatan, kesihatan dan zat nutrisi. Hal ini kerana, amalan kesihatan dan keselamatan yang baik serta menggalakkan pemakanan yang betul perlu dilaksanakan secara keseluruhannya di setiap pusat. Guru terutamanya, perlu mengintegrasikan keselamatan dan nutrisi kesihatan kanak-kanak dalam kurikulum dan menghargai mereka melalui kemahiran sosial, bahasa, atau aspek kurikulum yang lain. Ini bermakna guru-guru dalam program pendidikan awal kanak-kanak perlu





mengamalkan amalan-amalan berkaitan aspek keselamatan, kesihatan serta nutrisi atau juga dikenali dengan (2K1N) dan seterusnya menjadikannya sebagai satu pengurusan/ pelaksanaan yang berwajib di sesebuah pusat.

Aspek keselamatan bagi kanak-kanak menurut Norulhuda Sarnon, Maisarah Ali dan Ezarina Zakaria (2017) adalah bermaksud penjagaan rapi yang mana tidak mendatangkan marabahaya ke atas kanak-kanak dan sering mengawasi setiap perilaku yang dilakukan. Walaupun begitu, ia tidak bermakna boleh menghalang mereka daripada melakukan aktiviti yang melibatkan perkembangan fizikal, emosi dan sosial. Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2017), pihak pengurusan bangunan dan pengusaha TASKA haruslah mewujudkan pasukan khas terlatih untuk mengendalikan kanak-kanak ini untuk dipraktikkan sebagai persediaan jika berlaku kecemasan dan bencana.

Manakala aspek kesihatan menurut World Health Organization (WHO) atau Badan Kesihatan Sedunia (2012) pula mendefinasikannya sebagai satu keadaan sempurna yang dianugerahkan kepada seseorang dari segi fizikal, mental, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Perkara ini merupakan sesuatu yang dinamik iaitu perkara yang sentiasa berubah-ubah dan boleh menanganinya dengan pengamalan yang seimbang dari segi pemakanan, senaman dan sebagainya. Pihak pengurusan di TASKA perlu menyediakan alat-alat kesihatan yang bersesuaian dengan kadar umur kanak-kanak.





Merujuk kepada Kurikulum PERMATA Negara (2013), aspek nutrisi bermaksud pembekalan makanan yang menyeratakan antara zat-zat atau nutrien-nutrien dalam pemakanan seseorang. Turut ditegaskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2017), bahawa pengusaha TASKA mestilah memastikan makanan yang diperoleh adalah berkhasiat, bersih dan selamat untuk kanak-kanak. Hal ini kerana, kandungan yang diperlukan oleh seseorang bagi setiap zat dan nutrien biasanya mengikut tahap kesihatannya.

Oleh yang demikian, setiap aspek yang ditetapkan mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam melaksana dan menguruskannya. Bersesuaian dengan Kurikulum PERMATA Negara (2013) yang menyatakan bahawa keselamatan, kesihatan dan pemakanan (nutrisi) harus diterapkan pada peringkat awal lagi agar dapat menjadi amalan dalam kehidupan seharian kanak-kanak.

Disebabkan itu, pengkaji membuat satu kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan yang harus diambil perhatian oleh semua pusat jagaan bagi mencapai keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pengkaji juga telah memfokuskan hanya kepada pusat TASKA sahaja bagi memenuhi skop kajian beliau dalam melaksanakan kajian ini. Beliau ingin melihat tahap pelaksanaan keselamatan, kesihatan dan nutrisi di TASKA, isu-isu yang dihadapi serta langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan isu-isu yang mempengaruhi aspek tersebut.



Kurikulum PERMATA (2013) menjelaskan bahawa aspek keselamatan diri amat penting untuk diterapkan dalam diri kanak-kanak. Malah bukan aspek keselamatan itu sahaja yang perlu diberi penekanan, akan tetapi amalan pemakanan dan gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak juga perlu diberi perhatian. Oleh demikian, kanak-kanak yang bakal dihasilkan oleh negara pada masa akan datang akan memenuhi skop sendiri dari segi peribadi, bijaksana, ceria dan berakhlak mulia. Tambahan, objektif keempat dalam kurikulum PERMATA juga ada menyatakan bahawa pendidik atau guru perlu mendidik kanak-kanak untuk mengamalkan pemakanan sihat (nutrisi), keselamatan dan kebersihan diri serta gaya hidup yang sihat dalam kehidupan seharian.

Prinsip keselamatan PERMATA Q (2017) adalah memastikan pendidik perlu memahami dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang berkaitan dengan penderaan serta kemalangan kanak-kanak di TASKA mengikut standard 1.1.6. Selain itu, guru juga perlu sentiasa mengawasi keselamatan kanak-kanak semasa mereka melakukan perkara rutin seperti makan, minum dan sebagainya. Seterusnya bagi kesihatan pula, kanak-kanak TASKA perlu membuat pemeriksaan kesihatan dan mengetahui jika kanak-kanak mengalami alahan terhadap sesuatu jenis makanan. Bagi pemakanan pula, pihak TASKA perlu menyediakan amalan pemakanan yang sihat mengikut modul Pendidik PERMATA 2013.

Robertson (2013) menyatakan dalam kajiannya bahawa penjagaan fizikal yang baik adalah penting untuk menyokong keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak sihat atau yang mengalami fizikal kesejahteraan berisiko mungkin mengalami kesukaran untuk melakukan tugas



kognitif atau perkara yang berkaitan dengan pembangunan sosial dan emosi. Justeru, pengurusan terhadap keselamatan, kesihatan dan nutrisi sebaiknya perlu diberi penekanan yang sama rata antara ketiga-tiganya kerana ia merupakan pendekatan holistik dalam pembangunan semua aspek kehidupan seharian kanak-kanak.

Lagi menurut Robertson (2013), beliau menyarankan agar mewujudkan suasana yang menyediakan persekitaran perlindungan untuk kanak-kanak. Oleh itu, orang dewasa merupakan penggalas tanggungjawab untuk melaksanakan tugas kepada tiga aspek asas ini (keselamatan, kesihatan dan nutrisi) dalam mengawasi hak penjagaan kanak-kanak. Melalui penerapan antara keselamatan, kesihatan dan nutrisi yang dijalinan antara ketiga-tiganya maka ia mampu untuk memahami dengan lebih jelas iaitu dengan mengamalkannya secara holistik.



Menurut akhbar Sinar Online (2018), Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga merangkap sebagai Menteri Pembangunan Wanita dan Pembangunan Keluarga (2018) menyatakan bahawa terdapat ramai pengasuh di TASKA yang tidak mempunyai kelayakan minimum untuk menjaga kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah. Hal tersebut akan memberi impak terhadap jaminan kualiti serta keselamatan kanak-kanak di TASKA. Oleh itu, para pengusaha pusat jagaan perlu menitikberatkan dalam hal-hal pemilihan guru atau pengasuh bagi melancarkan pelaksanaan pengurusan keselamatan di sesebuah TASKA.





1.3 Penyataan Masalah

Pengurusan melalui aspek keselamatan, kesihatan dan nutrisi (2K1N) di TASKA perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak berwajib. Perkara ini merupakan pengamalan terpenting dalam sesebuah pusat jagaan kerana melibatkan kanak-kanak yang disertai oleh pelbagai peringkat umur dan meliputi jumlah yang ramai. Jadi, hal yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan nutrisi ini merupakan aspek yang serius bagi sesuatu agensi yang berkenaan.

Keselamatan atau kesejahteraan hidup kanak-kanak merupakan satu perkara yang sangat signifikan bagi menjamin kehidupan yang selamat dan tenteram. Akan tetapi, terdapat masalah yang berlaku dalam dirinya yang mana telah menyebabkan rasa tidak selamat dirasakan oleh mereka. Menurut Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar dan Zaiton Azman (2017), Malaysia masih tidak mempunyai satu indeks yang komprehensif serta khusus mengenai kesejahteraan hidup kanak-kanak. Para pelaksana perkhidmatan dan juga agensi perkhidmatan kebajikan kanak-kanak tidak boleh mengambil tindakan intervensi yang sesuai dalam menangani masalah sosial yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Dengan demikian, pengkaji membuat kajian selanjutnya berkaitan dengan pusat TASKA untuk melihat hasil kajian beliau dalam kajian yang dijalankan.

Justeru, menurut Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar dan Zaiton Azman (2017) lagi bahawa dengan ketiadaan pangkalan data yang komprehensif berkaitan keselamatan dan kesejahteraan hidup kanak-kanak itu juga telah mendesak sekumpulan pengkaji daripada Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti





Malaya untuk melakukan sebuah skala servei berkala nasional. Hal ini disarankan untuk dikaji lagi agar dapat membina sebuah indeks kesejahteraan bagi kanak-kanak di Malaysia dengan lebih sempurna. Demikian itu, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang perkara tersebut dengan melaksanakan kajian ini walaupun hanya memfokuskan kepada beberapa buah TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) di daerah Kuala Terengganu sahaja.

Noremy Md. Akhir, Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, M. Suhaimi Mohamad dan Nazirah Hassan (2012) menyatakan dalam kajian mereka bahawa kes penderaaan dan penganiyaan terhadap kanak-kanak sering menjadi bualan hangat dalam pelbagai berita. Kebanyakan berita yang dipaparkan adalah berkisarkan tentang kes penderaaan yang melibatkan penderaaan kanak-kanak di Malaysia. Ini bermakna aspek keselamatan kanak-kanak di Malaysia bukan berada pada tahap yang selamat yang mana ianya perlu diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berkuasa. Dengan itu, aspek keselamatan di TASKA khususnya perlu diberi perhatian oleh pihak pengusaha, guru mahupun pembantu guru kerana mereka merupakan individu yang terlibat dalam skop kajian pengkaji.

Selanjutnya, permasalahan yang didapati oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah melalui pemerolehan sumber daripada kajian Norulhuda Sarnon, Maisarah Ali dan Ezarina Zakaria (2017), yang menyatakan bahawa penerokaan secara mendalam terhadap keselamatan kanak-kanak di Malaysia masih kurang jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain. Dengan demikian, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih terperinci berkenaan dengan apa yang diutarakan oleh





pengkaji-pengkaji lepas berkenaan keselamatan terhadap kanak-kanak di TASKA yang dikaji.

Menurut Mohamad Ramzi Zakaria (2015), peningkatan kecuaiian dan pengabaian terhadap kanak-kanak sangat membimbangkan pada masa kini. Beliau mengatakan bahawa ibu bapa kurang memberi perhatian kepada anak-anak mereka sehingga menyebabkan impak negatif berlaku. Walau bagaimanapun, kenyataan beliau juga perlu dititikberatkan oleh pihak TASKA kerana ramai kanak-kanak pada masa kini dihantar ke pusat jagaan. Antara contoh yang perlu diberi perhatian oleh pihak pusat jagaan adalah dengan mengambil kira terhadap sesuatu kerosakan seperti pagar besar tercabut perlu dibaiki dengan segera. Hal ini kerana, ia boleh menyebabkan bahaya mengundang kepada kanak-kanak. Dengan demikian, kecuaiian terhadap kanak-kanak perlu diberi perhatian yang sewajarnya untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku di sesebuah TASKA yang juga menjadi tempias kepada keselamatan kepada kanak-kanak.

Seterusnya, menurut Shahidah Mohd Nazri, Shukri Mohd Aris dan Shamzani Affendy Mohd Din (2017), peningkatan kepada pendedahan udara memberi kesan kepada status kesihatan kanak-kanak. Kanak-kanak tersebut adalah terdiri daripada yang berumur kurang lima tahun di mana berada di pusat jagaan TASKA. Mereka berpendapat bahawa pengudaraan udara dalaman yang berlebihan boleh mengakibatkan gejala pernafasan dalam kalangan kanak-kanak meningkat secara mendadak disebabkan kualiti dalaman yang lemah. Selain itu, mereka juga menyeru agar kebersihan kanak-kanak perlu diuruskan dengan betul bagi mengelakkan sebarang masalah penyakit berjangkit berlaku di pusat jagaan kanak-kanak lebih-lebih



lagi di pusat TASKA. Demikian, penjagaan terhadap kadar pengudaraan kepada kanak-kanak memainkan peranan agar tidak mendatangkan marabahaya yang tidak diinginkan di sesebuah pusat.

Menurut Berita Malaysia (2019), seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga bulan didapati meninggal dunia di sebuah pusat taska akibat mempunyai masalah paru-paru berair. Ruhaini Zawawi, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkata, dengan berlakunya kes ini tiada kesalahan bagi seseorang pengusaha menolak kehadiran kanak-kanak jika didapati mempunyai sebarang masalah kesihatan. Langkah tersebut adalah untuk mengelakkan kes-kes yang tidak diinginkan berlaku semasa keberadaan kanak-kanak di pusat jagaan. Turut diperkatakan juga oleh beliau, para ibu bapa perlu memastikan tahap kesihatan anak-anak sihat ketika ingin menyerahkan kepada penjaga pusat.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan pengurusan melalui aspek keselamatan, kesihatan dan nutrisi kanak-kanak TASKA yang dikaji di salah sebuah agensi iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Pengkaji juga ingin mengetahui isu-isu yang berlaku serta langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh setiap pihak pusat jagaan TASKA bagi menyelesaikan isu-isu serta masalah yang berkaitan dengan ketiga-tiga aspek yang dikemukakan.



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pelaksanaan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi di TASKA.
2. Meneroka isu-isu yang dihadapi oleh TASKA dalam aspek keselamatan, kesihatan dan nutrisi.
3. Menentukan langkah-langkah yang diambil oleh TASKA dalam menyelesaikan isu keselamatan, kesihatan dan nutrisi.

1.6 Persoalan Kajian




Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif yang dibina maka terhasillah beberapa persoalan kajian yang perlu dijawab. Antara persoalan yang terdapat dalam kajian ini adalah:

1. Adakah tahap pelaksanaan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi kanak-kanak dipatuhi di TASKA?
2. Apakah isu-isu keselamatan, kesihatan dan nutrisi yang dihadapi di TASKA?
3. Bagaimanakah pihak TASKA mengambil langkah dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pengurusan keselamatan, kesihatan dan nutrisi?



1.7 Kerangka Konseptual

Kajian ini dijalankan untuk melihat pelaksanaan pengurusan dari aspek keselamatan, kesihatan dan nutrisi di beberapa buah TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) di daerah Kuala Terengganu . Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep yang dikaji.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji ingin melihat pelaksanaan keselamatan, kesihatan dan nutrisi yang dilaksanakan di pusat jagaan TASKA oleh pihak yang berwajib. Dengan demikian, pengkaji dapat mengetahui isu-isu serta langkah-langkah yang telah diambil berdasarkan ketiga-tiga aspek iaitu 2K1N yang diperlukan dalam menghasilkan satu kajian beliau terhadap keperluan asas kanak-kanak. Pengkaji juga berharap agar kajian yang dijalankan ini mampu memberi faedah kepada masyarakat terutamanya:

1.8.1 Agensi kerajaan



Agensi kerajaan yang terlibat dengan pendidikan awal kanak-kanak adalah pertamanya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Mereka merupakan induk kepada sistem sokongan terhadap ketersediaan pusat TASKA bagi membantu negara mencapai matlamat dan implikasi yang memberangsangkan. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam menjayakan penubuhan sesebuah pusat TASKA oleh pengusaha. Hal ini kerana, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memastikan TASKA yang ditubuhkan mampu mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.



1.8.2 Pengusaha TASKA

Pengusaha perlu mengetahui undang-undang yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa mengenai seluruh aspek sama ada dari segi keselamatan, kesihatan dan nutrisi agar tidak berlaku sebarang kecelakaan biasa mahupun serius. Berdasarkan pengetahuan pengusaha mengenai apa yang perlu dititikberatkan dalam mengendalikan premis yang mencukupi piawaian pusat secara menyeluruh, mereka haruslah membina strategi yang bijak bagi memastikan segala keperluan mencukupi syaratnya. Dengan demikian, segala percaturan mengenai pusat tersebut akan menjadi lebih lancar dalam urusan pelaksanaan yang telah ditetapkan.

1.8.3 Guru pendidikan awal kanak-kanak

Guru pendidikan awal kanak-kanak perlu mempunyai pengetahuan terhadap apa yang berkaitan dengan polisi-polisi yang ditetapkan. Hal ini kerana, setiap apa yang berlaku ke atas kanak-kanak akan berbalik semula kepada guru sama ada mereka peka atau tidak terhadap pengurusan yang sebenarnya perlu ada di sesebuah pusat jagaan TASKA. Sebagai contoh, kelengkapan yang diperlukan oleh kanak-kanak adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memaklumkan kepada pengusaha bagi mencapai matlamat kejayaan sesebuah. Oleh itu, peranan guru yang merupakan individu pertama dalam menggerakkan hasil keberkesanan pembelajaran di sesebuah pusat mestilah mementingkan faktor-faktor yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan nutrisi kanak-kanak. Hal ini adalah untuk menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kedua-dua pihak (guru dan pelajar).



1.8.4 Pelajar pendidikan awal kanak-kanak

Bidang pendidikan awal kanak-kanak memerlukan mereka yang berpengetahuan tentang apa yang berkaitan dengan keadaan kanak-kanak. Perkara ini perlu diketahui oleh para pelajar pendidikan awal kanak-kanak kerana mereka telah diberi pendedahan terlebih dahulu ketika sedang belajar di sesebuah institusi awam mahupun swasta. Dengan demikian, sedikit sebanyak mereka telah mengetahui beberapa aspek penting diperlukan oleh setiap kanak-kanak dalam melayari kehidupan seharian mereka. Pendedahan yang dipelajari ketika menuntut di tempat pengajian tersebut merupakan salah satu bantuan asas dalam mengetahui serba sedikit mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan program awal kanak-kanak.



1.8.5 Kanak-kanak TASKA

Kanak-kanak merupakan individu yang perlu dijaga dengan penuh kasih sayang oleh orang dewasa. Lebih-lebih lagi mereka yang berumur dalam lingkungan lahir hingga empat tahun iaitu yang berada di TASKA. Dengan itu, mereka perlu sentiasa di bawah kawalan guru agar tidak berlaku perkara yang boleh menyebabkan bahaya kepada mereka tidak kira dari segi keselamatan, kesihatan mahupun nutrisi.

Sebagai contoh dari aspek keselamatan, kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan sebagaimana ditetapkan dalam kajian ini memerlukan persekitaran fizikal pusat yang selamat bagi setiap sudut yang disediakan. Manakala bagi aspek kesihatan pula, guru perlu memberitahu atau memesan terlebih dahulu kepada ibu bapa





berkaitan status kesihatan yang dihadapi oleh kanak-kanak bagi mengelakkan daripada penyakit berjangkit berlaku kepada mereka yang lain. Seterusnya dari aspek nutrisi, biasanya ibu bapa kanak-kanak akan memberitahu apa yang anak-anak mereka boleh makan mahupun tidak. Jadi, guru akan mengawal pemakanan kanak-kanak mengikut apa keperluan yang sepatutnya.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pelaksanaan pengurusan antara tiga aspek yang paling signifikan dalam kehidupan seseorang kanak-kanak. Aspek yang dimaksudkan adalah seperti yang telah dinyatakan pada sebelumnya iaitu 2K1N (keselamatan, kesihatan dan nutrisi). Pengkaji juga hanya membataskan pusat TASKA yang terdiri daripada agensi Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu di daerah Kuala Terengganu sahaja dalam kajiannya yang mana tidak melibatkan kesemua agensi TASKA di negeri Terengganu. Hal tersebut berlaku kerana terdapat kekangan waktu untuk menjalankan kajian di kesemua daerah bagi mendapatkan data secara menyeluruh.

Tambahan, pengkaji hanya memilih TASKA yang terletak di daerah Kuala Terengganu sahaja untuk mewakili populasi kajian. Hal ini kerana beliau ingin mendapatkan data lengkap berkaitan pelaksanaan yang diperlukan dari segi keselamatan, kesihatan dan nutrisi (2K1N) kanak-kanak di TASKA bagi memenuhi skop kajian yang dikehendaki. Oleh itu, beliau dapat memfokuskan dengan lebih



mendalam terhadap apa yang diperlukan dalam kajian mengikut anggaran waktu yang dianggarkan.

Jumlah dapatan data bagi borang soal selidik juga terbatas disebabkan jumlah pemulangan yang tidak setara dengan jumlah pemberian ataupun terdapat celaan jawapan pada konteks jawapan. Kajian ini dijalankan dengan mengambil data daripada masyarakat yang terdiri daripada tiga jenis peserta kajian iaitu responden, informan dan premis. Di bawah jenis peserta kajian tersebut pula, ianya terdiri daripada perwakilan yang akan dibincangkan oleh pengkaji dalam Bab 3 nanti.

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Pengurusan

Menurut Faizal Ghani (2015), pengurusan adalah salah satu aktiviti yang melibatkan kehidupan seseorang dalam melaksanakan urusan dalam mengendalikan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Dalam kajian ini pula pengurusan bermaksud langkah atau prosedur yang dilaksanakan oleh pihak TASKA bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan nutrisi kanak-kanak terjaga dengan aman.

1.10.2 Keselamatan

Menurut Subramaniam Chandrakantan, Lazim Zin dan Siti Rohani Nadir (2013), keselamatan adalah merujuk kepada polisi dan usaha organisasi untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan aspek keselamatan di sesuatu tempat atau pusat. Maksud aspek keselamatan dalam kajian ini pula adalah penjagaan terhadap keamanan kanak-kanak TASKA ketika berada di bawah jagaan guru atau pengasuh daripada berlaku sesuatu perkara yang memudaratkan seperti kecelakaan, kemalangan dan semua perkara yang membahayakan tubuh badan kanak-kanak.

1.10.3 Kesihatan

Mohammad Rezal Hamzah, Emma Mohamad dan Mohd Yusof Abdullah (2016), menyatakan bahawa literasi kesihatan yang baik adalah diperlukan daripada individu yang terlibat secara aktif dalam pengurusan kesihatan sendiri. Dengan itu, segala perjalanan kehidupan seharian akan menjadi lebih mudah apabila mempunyai kesihatan yang baik. Manakala maksud pengurusan kesihatan dalam konteks kajian pula adalah langkah yang perlu diberi perhatian terhadap kesihatan kanak-kanak di TASKA oleh pihak pengusaha dan guru bagi menjamin keselesaan bila mana berada di pusat jagaan yang dipilih.

1.10.4 Nutrisi

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2018), nutrisi atau pemakanan bermula peringkat bayi adalah merupakan komponen yang penting untuk mengekalkan kesihatan yang optimum. Hal tersebut perlu dititikberatkan kerana kanak-kanak memerlukan untuk meningkatkan pertumbuhan serta perkembangan dari segi fizikal, kognitif, bahasa dan juga sosio-emosi. Dalam kajian ini pula, nutrisi bermaksud pemakanan sesuai yang perlu dan boleh diambil oleh kanak-kanak mengikut standard umur di bawah pengawasan orang dewasa. Ia perlu dijaga dalam pemakanan kanak-kanak TASKA agar tidak melebihi had yang sepatutnya diperuntukkan bagi usia yang terlibat.

1.10.5 TASKA

Mengikut Seksyen 2 Akta 308, TASKA merupakan singkatan daripada ‘Taman Asuhan Kanak-kanak’ yang mana ianya bermaksud sesebuah premis yang menerima kemasukan empat atau lebih kanak-kanak yang berumur kurang daripada empat tahun dan diberi upah kepada penjaganya. TASKA dalam kajian ini pula bermaksud pusat jagaan yang menerima kanak-kanak berumur bawah 4 tahun di sesebuah pusat premis.



1.10.6 YPKT

YPKT merupakan singkatan daripada Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu yang bertujuan menyediakan perkhidmatan pengasuhan, penjagaan dan pendidikan bagi bayi dan kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah. Ia ditubuhkan untuk membantu keluarga yang menghadapi masalah khususnya bagi ibu bapa yang bekerja. YPKT juga menggunakan kurikulum berasaskan PERMATA serta penekanan terhadap konsep bermain sambil belajar.

1.11 Kesimpulan

Kesimpulan dalam bab 1 di atas adalah pelaksanaan pengurusan antara ketiga-tiga aspek iaitu keselamatan, kesihatan dan nutrisi perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar tidak mendatangkan sebarang kecelakaan dan kemaslahatan yang boleh memudaratkan bagi kanak-kanak TASKA. Hal sedemikian ini juga kerana, setiap penjagaan yang difokuskan oleh pengkaji berkenaan bab-bab pengurusan ini adalah merupakan faktor yang sangat signifikan dalam mengendalikan pusat TASKA yang berkualiti tinggi. Lantaran, jika dibandingkan dengan pusat yang mengambil mudah dalam setiap aspek-aspek sedemikian boleh mengakibatkan ibu bapa atau penjaga kurang berkeyakinan untuk menghantar anak mereka di tempat tersebut.

Dalam kawasan pusat jagaan TASKA, pengusaha dan guru merupakan tunggak utama yang wajib mengambil kira terhadap aspek-aspek berkaitan pendidikan awal yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Seperti mana sedia maklum,





kanak-kanak merupakan individu yang memerlukan pergantungan daripada orang dewasa. Selain itu, dengan penjagaan yang sepatutnya itu juga boleh melancarkan lagi pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak dalam kehidupan seharian mereka daripada berasa khuatir yang melampau. Oleh demikian, segala apa yang diperlukan oleh kanak-kanak mestilah mendapat rujukan kepastian daripada guru mereka supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

